



كامر كتوا حاكم شرعي محكمه شرعية نكري ملاك

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH MELAKA,

JALAN AYER KEROH LAMA, HANG TUAH JAYA,

75450 MELAKA

Tel. Pejabat : 06-233 2050

Fax : 06-231 1275

Laman Web : www.mahsyariahmelaka.gov.my

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3 ()

Tarikh : 16 Februari 2017

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.2 TAHUN 2017

Pengemaskinian Rekod Tarikh Sebutan / Perbicaraan Kes

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Mahkamah Syariah Negeri Melaka Bil.1 tahun 2017 pada 15 Februari 2017 di Bilik Mesyuarat Saidina Umar, Kompleks Mahkamah Syariah Melaka telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Setiap proses kerja yang melibatkan penetapan tarikh sebutan / perbicaraan hendaklah direkod tarikh tersebut ke dalam sistem e-Syariah, Buku Daftar Perbicaraan Harian dan mana-mana buku rekod yang dikehendaki.
2. Segala tindakan pengemaskinian tarikh tersebut hendaklah dibuat **dengan segera / tanpa kelengahan yang perlu.**
3. Pendaftar / Pegawai Penyelia adalah bertanggungjawab untuk menyemak dan memantau pengemaskinian rekod-rekod tersebut.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menurut perintah,

(DATUK HJ MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie

Mahkamah Syariah Negeri Melaka